

15 JUL 1999

Parlimen-Bahas

DEFINISI HAK ASASI MANUSIA MALAYSIA PERLU IKUT ACUAN SENDIRI

KUALA LUMPUR, 15 Julai (Bernama) -- Seorang penyokong kerajaan meminta Suruhanjaya Hak Asasi Manusia yang akan ditubuhkan supaya mewujudkan definisi mengenai hak asasi manusia mengikut kesesuaian masyarakat berbilang kaum di negara ini berlandaskan Perlembagaan Persekutuan.

Ketika membahaskan Rang Undang-Undang Suruhanjaya Hak Asasi Manusia Malaysia 1999 pada persidangan Dewan Rakyat hari ini, Ruhaine Ahmad (BN-Parit Sulong) berkata definisi hak asasi manusia di Malaysia hendaklah mengikut "acuan" sendiri dan tidak semata-mata menerapkan doktrin lain yang tidak sesuai.

Beliau berkata kewujudan definisi sendiri mengenai hak asasi manusia adalah bersesuaian dalam Perkara 4 Rang Undang-Undang itu mengenai fungsi dan kuasa suruhanjaya untuk memupuk kesedaran dan menyediakan pendidikan berhubung dengan hak asasi manusia.

Suruhanjaya itu hendaklah memberi pendidikan kepada semua pihak terutama Pertubuhan Bukan Kerajaan (NGO) mengenai persepsi hak asasi manusia yang sesuai di negara ini dan jangan terlalu terikut-ikut dengan ideologi, doktrin dan pandangan pihak luar yang boleh menghancurkan negara.

Beliau berkata persiapan juga hendaklah diberi kepada generasi muda agar mereka tidak terikut-ikut dengan definisi hak asasi manusia yang dikaitkan dengan individualisme yang boleh mencetuskan penentangan terhadap pemerintah.

Ruhaine membidas pihak pembangkang yang masih menonjol-nonjolkan serta memuja deklarasi hak asasi manusia yang diutarakan oleh pihak luar khususnya Barat seperti Deklarasi Hak Asasi Manusia 1948 dengan menganggap ianya mempunyai nilai-nilai kesejagatan.

Beliau berkata sebenarnya nilai-nilai kesejagatan ada di mana-mana terutama dalam ajaran semua agama.

Menurutnya, Barat khususnya Amerika Syarikat yang selama ini mendakwa sebagai pejuang demokrasi telah melakukan banyak pencabulan hak asasi manusia seperti di El Salvador dan Vietnam.

Justeru itu, beliau meminta Suruhanjaya membina perspektif hak asasi manusia yang serasi dengan kehendak rakyat dan meletakkannya sebagai dasar untuk generasi akan datang terutama dengan wujudnya pertentangan nilai antara elemen Globalisasi dan Nasionalisme.

Sepertimana yang dijangka, pihak pembangkang cuba memperkecil-kecilkan usaha kerajaan mewujudkan Suruhanjaya itu dengan mengaitkannya dengan undang-undang yang dianggap sebagai penindasan dan pencabulan hak asasi manusia seperti Akta Keselamatan Dalam Negeri, Akta Rahsia Rasmi, Akta Mesin Cetak dan Penerbitan, Akta Hasutan serta Akta Universiti dan Kolej Iniversiti.

Ketua Pembangkang Lim Kit Siang (DAP- Tanjong) ketika membahaskan rang undang-undang itu menyatakan keraguannya terhadap keberkesanan dan kewibawaan suruhanjaya menjalankan tugasnya untuk menjamin hak asasi manusia selagi akta-akta berkenaan tidak dihapuskan.

Beliau berkata selagi undang-undang yang beliau sifatkan sebagai penindasan itu wujud, kredibiliti suruhanjaya itu dalam melindungi hak asasi manusia di Malaysia adalah diragui.

Lim berkata Rang Undang-Undang itu tidak memberi definisi yang meluas mengenai hak asasi manusia dan kerajaan juga tidak pernah merujuk rang undang-undang itu kepada mana-mana badan seperti NGO atau jawatankuasa-jawatankuasa mengenai hak asasi manusia sebelum ia

dibentangkan di Parlimen.

Beliau berkata sekiranya kerajaan jujur dalam melaksanakan hak asasi manusia di negara ini, mandat yang diberikan kepada suruhanjaya itu haruslah meluas dan mengikut piawaian antarabangsa.

Liew Ah Kim (Bebas-Seputeh) pula mencadangkan agar keanggotaan suruhanjaya itu mencakupi semua pihak tanpa mengira kaum dan fahaman politik bagi menentukan ianya dapat melaksanakan tugas dengan adil dan berkesan.

Wan Junaidi Tuanku Jaafar (BN-Batang Lupar) pula mencadangkan supaya pemilihan anggota Suruhanjaya itu dibuat dikalangan mereka yang mahir dengan undang-undang antarabangsa terutama yang menyentuh hak asasi manusia.

Selain itu, mereka yang dipilih itu juga perlu faham pendekatan kerajaan dalam pelbagai isu, kata beliau.

Dr Tan Seng Giaw (DAP-Kepong) pula mencadangkan supaya skop lebih luas di masukkan dalam rang undang-undang itu seperti nilai-nilai sejagat kemanusiaan.

Beliau mencadangkan supaya kerajaan menggubal dan mengemukakan kepada Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu (PBB) Universal Declaration of Human Rights Malaysia yang baru dan sesuai dengan keadaan terkini.

Ini kerana, beberapa tahun lepas, Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad ada menyatakan bahawa Universal Declaration Human Rights PBB sudah ketinggalan zaman, kata beliau.

Persidangan Dewan disambung pada Isnin.

-- BERNAMA

AKT NZ FAZ